

Membangkitkan kuasa ekonomi

SEJAK suku abad lalu, pertumbuhan ekonomi Malaysia berkembang pada kadar purata tujuh peratus setahun. Dalam tempoh tujuh tahun terakhir, ekonomi tahunan kami berkembang pada kadar 8.4 peratus dengan kadar purata inflasi 3.6 peratus. Sehingga 2020, kami harap berkembang pada kadar purata tujuh peratus setahun. Jika ini dapat dicapai, Malaysia akan menjadi sebuah negara maju dengan taraf hidup, sama seperti Amerika Syarikat sekarang.

Kami bangga dengan hakikat, Malaysia menjadi negara pertama di kalangan "Dunia Bebas" menumpaskan komunisme. Kita juga mengukir kebanggaan itu kerana dalam tempoh yang singkat ini, saya tidak tahu berapa cepat, kami akan mengadakan pilihan raya umum yang ke-10. Kami juga bangga bahawa sejak 1955 iaitu apabila pilihan raya umum pertama diadakan bagi memilih kerajaan prokemerdekaan, kita sudah mengadakan lapan pilihan raya umum yang bebas iaitu 1959, 1964, 1969, 1974, 1978, 1982, 1986 dan 1990 dengan pembangkang bukan saja memenangi kerusi yang ditandingi, tetapi juga pernah menguasai kerajaan-kerajaan negeri. Ini boleh dianggap satu rekod bagi sebuah kemerdekaan demokrasi yang kian mantap dan baru.

TEKS ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dialog Pasifik di Pulau Pinang, kelmarin.

Berasaskan kepada kesedaran inilah, saya ingin menekankan pentingnya bagi kami menarik pelaburan, kepakaran dan teknologi Amerika Syarikat sebanyak mungkin. Banyak sudah dilakukan di masa lampau, tetapi ia tidak mencukupi, banyak lagi yang perlu dilakukan.

Menurut Kedutaan Amerika Syarikat, negara itu kini menjual lebih banyak kepada Malaysia berbanding jumlah jualan ke semua negara Eropah Timur dan Russia. Bunyinya memang sedap. Tetapi, saya percaya perdagangan di antara Malaysia dan Amerika Syarikat juga seharusnya berkembang pada tahap baru.

Secara perbandingan, firma Amerika Syarikat mempunyai reputasi yang baik dalam soal pemindahan teknologi. Kita mahu melihat reputasi itu terus ditingkatkan.

Pandangan saya terhadap Amerika Syarikat ini juga menyentuh semua aspek ekonomi. Jepun sudah tentu memainkan peranan kritikal dalam pembangunan Malaysia. Sekarang ramai yang menyifatkan era Jepun sudah berakhir, tetapi saya tetap yakin ia akan kekal sebuah negara pada hari esok.

Asalkan, ada iltizam mengenai rantau terbuka, saya percaya setiap rantau (kawasan) mempunyai hak untuk mengajur dan bekerjasama sesama sendiri. Sesungguhnya, dengan adanya iltizam mengenai rantau terbuka dan usaha membuka rantau itu, negara serantau mempunyai tanggungjawab untuk bekerjasama dan ini sekaligus menyumbang ke arah globalisme.

Tetapi adakah sesiapa di sini tidak bimbang mengenai dasar perlindungan yang kini wujud di peringkat wilayah dan negara, termasuk negara bekas juara perdagangan bebas?

Dengan tamatnya Perang Dingin, kita buat pertama kali dalam sejarah manusia berpeluang membina sebuah sistem ekonomi tunggal sejagat. Dengan diberi masa dan kekuatan globalisme yang sedia ada, ini tidak mungkin dapat dihalang. Apa yang perlu dilakukan oleh pemimpin yang berpandangan luas ialah mewujudkan sistem ekonomi tunggal sejagat secepat mungkin. Kita mesti memastikan kemakmuran yang berfaedah untuk semua pihak dicapai secepat mungkin. Kita perlu memastikan kita dapat mewujudkan

Dalam belanjawan lalu, kita mengambil satu lagi langkah yang paling berani untuk menghapuskan cukai import ke atas 2,600 jenis barang.

Ya mungkin boleh dipertikaikan bahawa Malaysia, tidak seperti banyak negara lain, adalah sebuah negara ekonomi persaingan, terbuka kepada seluruh dunia dengan pasaran yang sudah

Kita adalah sebuah demokrasi, walaupun ada pihak yang menyuminis mengenainya. Sebagai sebuah negara pelbagai kaum dan agama, dengan pelbagai masalah dan cabaran, tidak mungkin berjaya tanpa demokrasi yang sihat dan berkekalan. Hanya Tuhan yang tahu apa akan berlaku jika kita mengamalkan demokrasi cara Sweden, Itali atau Jepun. Saya menyatakan perkara ini tanpa berniat mengkaitkan sesuatu yang tidak kena dengan demokrasi Sweden, Itali atau Jepun. Saya hanya bermaksud setiap negara mempunyai caranya tersendiri.

Sudah tentu, kami tidak akan mencapai kejayaan ini tanpa keamanan, kestabilan politik dan undang-undang yang utuh. Kami juga tidak mungkin mencapainya jika kami mengamalkan rasuah sebagaimana yang dilaporkan ke atas kami. Negara mengamalkan rasuah tidak mungkin mencapai pertumbuhan lapan peratus dan politik yang stabil. Kerajaan boleh mendapat sedikit sebanyak pujian terhadap pencapaian ini, tetapi biar saya menyatakan, negara ini tidak mungkin mengecapi apa yang dicapai setakat ini tanpa kesediaan rakyat berkorban memperjuangkan keamanan dan masa depan. Rakyat sedia bertungkus-lumus dan bekerja keras untuk membina negara ini. Malaysia yang dilihat hari ini adalah hasil kerajinan, ketekunan dan ke-sanggupan rakyatnya.

Biar saya menambah, kami juga tidak mungkin menamatkan pengembaraan hingga kepada keadaan sekarang tanpa sumbangan rakan-rakan dari luar negara. Dan, amat mustahil untuk rakyat Malaysia menamatkan pengembaraannya ke tahun 2020 tanpa sumbangan besar dari negara luar. Ia memang sukar dicapai.

Biarlah saya sentuh isyue yang lebih luas.

Saya akan menumpukan pendapat saya mengenai tiga perkara. Pertama, biar saya tekankan pentingnya satu gabungan pemikiran dan perjuangan usaha yang baru bagi semua negara (yang menghadiri dialog). Saya percaya kita mesti berusaha bersama-sama dan buat pertama kali dalam sejarah manusia ke arah mewujudkan satu sistem kekayaan sejagat berasaskan prinsip kemakmuran bersama.

Kedua, kita mesti menyokong, turut serta, memujuk dan membawa seluruh dunia untuk mewujudkan kemakmuran masa depan Asia Timur. Ia buka semata-mata untuk kebaikan Asia Timur, tetapi juga untuk kebaikan seluruh dunia.

Ketiga, kita mesti berusaha mewujudkan sebuah orde baru dunia yang selamat bukan saja berdasarkan idea kemakmuran bersama, tetapi juga berdasarkan kefahaman bersama dan saling hormat-menghormati.

Ramai di kalangan kita bimbang mengenai meningkatnya sikap 'mengemis negarajiran. Ada beberapa rantau yang terlalu memikirkan hal ehwal sendiri sedangkan negara lain 'berlari pantas dan melepasi mereka. Ada rantau yang dalam bahaya ketinggalan. Ada juga menghadapi bahaya blok perdagangan yang semakin sempit.

Saya tidak mengutuk kewilayahan. Tidak sekali-kali. Selepas suku abad, kami dalam masyarakat Asean sedar mengenai kelebihannya secara langsung serta kesan tidak langsung secara bersama melalui pengalaman Asean. Kami bukan saja berjaya mencapai satu masyarakat Asean yang aman dan stabil, malah sebuah masyarakat yang komited terhadap amalan dan kata-kata mengenai rantau terbuka.

ikatan kemakmuran global.

Pada 1930-an dasar 'mengemis jiran menjadi amalan yang begitu meluas. Ketika Perang Dingin, dasar 'memakmurkan rakan dan mengemis lawan menjadi ikutan. Sudah tiba masanya untuk semua mengamalkan dasar 'memakmurkan jiran. Inilah yang kami cuba lakukan dalam Asean dengan negara di luar pertubuhan itu di Asia Tenggara. Kita sedang berusaha bersungguh-sungguh ke arah itu.

Inilah yang menjadi tuntutan kebanyakan ekonomi di Asia Timur. Ia bukan sesuatu tidak baik kerana kita lakukannya demi kasih pada diri kita, tetapi juga sayangkan negara jiran atau rantau kita.

Bayangkan kesannya jika semua bentuk ekonomi dalam planet ini mengamalkan orientasi dan dasar seperti ini secara aktif. Bayangkan, kesannya jika dasar 'memakmurkan jiran dan ideologi bekerjasama demi kemakmuran bersama menjadi ikutan? Abad ke-21 akan menjadi abad yang agung. Dunia maju setapak ke hadapan apabila Pusingan Uruguay tamat manakala Perjanjian Am Perdagangan dan Tarif (GATT) tidak lagi menjadi persendaan yang mana GATT dikenali sebagai *General Agreement to Talk and Talk*. Adalah penting rumusan daripada hasil yang dirundingkan, diperbetulkan dengan segera. Ia juga penting untuk membina setiap yang sudah dipersetujui dan mencari jalan ke hadapan, ke arah liberalisasi dan mencapai kebebasan ekonomi sejagat.

Saya bangga Malaysia mengesahkan perjanjian GATT pada 6 September lalu. Kita menjadi antara negara pertama di dunia berbuat demikian. Selepas pengesahan itu, purata tahap perlindungan dagangan Malaysia jatuh kepada 8.5 peratus.

diliberalisasi. Tahap perlindungan kita sangat rendah. Oleh itu, Malaysia tidak rugi jika negara lain juga mengamalkan konsep terbuka dan tahap perlindungan di Asean, Asia Timur, Pasifik atau seluruh dunia diturunkan sama seperti tahap di Malaysia. Malaysia tidak akan mengalami sebarang kerugian, malah mungkin membawa keuntungan.

Pada asasnya pendapat ini mempunyai kecacatan kerana tujuan utama untuk membebaskan sesebuah ekonomi dan membukanya kepada semua pihak bukan untuk merundingkan pembukaan yang sama bagi pihak lain. Malah, pencipta doktrin perdagangan bebas pada abad ke-19 sudah tentu terkejut mengenai perbalahan timbal-balas. Mereka percaya keuntungan utama dengan membuka sesebuah ekonomi dan bersaing dengan ekonomi lain, khususnya yang paling bersaing, adalah kelebihan berdasarkan kemampuan bersaing dan kekuatan ekonominya. Inilah justifikasi untuk liberalisasi perdagangan. Mereka sememangnya betul. Bagaimana pula ekonomi Malaysia boleh menjadi bersaing?

Tidak ada ekonomi yang boleh bersaing jika bergantung kepada pembahagian dan mengelak daripada persaingan sengit. Hanya Tuhan boleh menyelamatkan mereka yang mahu berlindung di sebalik tembok yang tinggi. Ia menjadi formula ke arah kemunduran dan kelemahan.

Sekarang, biar saya bincang pendapat kedua saya. Pada satu ketika, tidak lama dahulu, Asia Timur merangkumi ekonomi yang tidak mampu bersaing, miskin, kaku atau lebih teruk. Setiap ekonomi tanpa sebarang pengecualian, pada satu-satu peringkat ketika pasca perang, menyerah diri atau terkubur. Kita

tenaga baru Asia Timur

Di peringkat ini, saya tidak percaya negara Asia Timur menuntut persamaan hak. Bagaimanapun, kami memohon sedikit penghormatan. Dan mungkin, pada masa depan, kita layak menerimanya

tidak seharusnya lupa sehingga awal 1950-an, masih ada laporan rakyat Jepun mati kerana kurang zat makanan dan kebuluran. Lebih daripada satu pentadbiran Jepun kecewa untuk melihat Jepun menjadi sebuah ekonomi yang bersaing dan dinamik.

Hari ini, hampir semua ekonomi Asia Timur dianggap dalam bentuk *hyperbolic*. Takjub adalah perkataan yang biasanya digunakan. Kita sering dibandingkan dengan 'binatang yang ganas dan ditakuti (negara paling maju). Rantau ini yang dulunya dikenali sebagai *domino* kini dilihat sebagai rantau *dinamo*. Sudah tentu satu revolusi ekonomi sudah mengambil tempatnya.

wang asing (US dollar), ini tidak akan berlaku sehingga tahun 2000 dan seterusnya.

Sejak orang Eropah melancarkan dasar ekonomi tunggal Eropah pada pertengahan 1980-an, Asia Timur menjadi rantau yang paling cepat mengalami integrasi rantau. Dalam hal ini, kita amat berterima kasih kepada Amerika khususnya Perjanjian Plaza.

Selaras dengan perkembangan pelaburan, perdagangan intra-Asia Timur pada 1990-an meningkat pada kadar 20 peratus setahun. Dengan tahap 43 peratus ketika ini, ekonomi serantau Asia Timur lebih bersifat integrasi berbanding ekonomi rantau Nafta. Berbeza dengan kes di

ningkatan ini dihasilkan di Asia Timur.

Selain semua statistik ini, ramai antara kita tetap berasakan kebanyakan negara di dunia harus bangun dan melihat peluang yang ditawarkan di Asia Timur. Malah, ramai antaranya hanya melihat peluang ini sebagai 'Perjanjian Asia Timur'.

Sekarang, izinkan saya mengemukakan pendapat terakhir saya. Saya percaya adalah penting untuk kita saling memahami dan menghormati di antara satu sama lain.

Ketika ini ada yang dapat melihat masa depan sebagai pertembungan tamadun. Samuel Huntington dalam artikel Foreign Affairs, menyeru supaya lahir keharmoni

daripada Eropah.

Kenapa lebih ramai pihak Eropah yang memahami dan menghargai mengenai seni dan sambutan perayaan dalam skop yang luas dan mengambil ini sebagai suatu keadaan asli yang tidak ditiru. (Seni Eropah?) Dan sebaliknya lebih ramai yang menegaskan bahawa gaya negara Asia melaksanakan sistem perniagaan dan ekonomi, politik dan pentadbiran tidak berhak dan mereka dianggap meniru gaya Eropah.

Kenapa muzik Asia, seni dan sastera mampu bergabung kerana ia adalah unik dan berbeza daripada muzik, seni dan sastera Eropah, bagaimanapun budaya Asia dan corak kekejaman, politik dan ekonomi adalah terhad dan dibenci dalam banyak perkara, namun kesan perbezaannya tidak dapat ditemui?

Saya memberitahu pihak Eropah bahawa perlu wujud keseimbangan dari segi hak kemanusiaan dan lesapnya apa yang dipanggil keangkuhan yang menebal.

Sebagai negara rakyat Asia, saya berbangga dengan pencapaian yang dilalui Asia Timur kebelakangan ini. Kami mengharungi keamanan yang lebih terjamin berbanding satu setengah abad yang lalu. Bagaimanapun, jalan yang jauh perlu dilalui.

Kami sudah melihat demonstrasi, penguasaan rakyat dan hak asasi manusia yang jarang ditemui dalam sejarah kehidupan manusia. Ia tiada tolak bandingannya. Ia tidak boleh dihentikan. Jangkaan dalam kehidupan di Shanghai sekarang melebihi tahap yang dijangkakan dalam kehidupan di New York. Bagaimanapun, kita berada di peringkat awal perjalana-

